

**KULIAH USTAZ HJ ALI HJ MOHAMAD**

**18 Oktober 2001, jam 2330 – 19 Oktober 2001, jam 0230**

**ARI masa ke masa, kita mendengar suara-suara ragu mengenai tasauf dan tarikat, termasuklah ketika dunia kini sedang berdepan dengan ancaman perang penganas dan kemelesetan ekonomi.**

**Dari satu segi pula, kalangan umat Islam turut melaungkan jihad apabila mendapati keadaan diri mereka terhimpit oleh tindakan Barat yang majoritinya adalah bukan Islam. Apakah huraian yang boleh ditampilkan oleh tasauf iaitu ilmu mengenai adab dan rohani?**

**Sesungguhnya dunia amat mendambakan kedamaian. Konsep damai begitu kental dalam tasawwur (world view) Islam kerana sebab-sebab berikut:**

- ▣ Islam berasal dari kata dasar ‘salam’ yang bermakna tunduk, damai dan sejahtera.**
- ▣ Salam merupakan amalan yang dilakukan oleh Allah SWT, para malaikatnya sehinggalah seluruh hamba-Nya, termasuk gunung dan batu yang tidak bergerak tetapi bertasbih.**
- ▣ Salam merupakan sambutan mesra sesama manusia yang beradab.**
- ▣ Salam adalah kekata pertama diucapkan ketika Rasulullah saw menemui Allah SWT di sidratul muntaha.**
- ▣ Salam merupakan rukun dalam solat.**
- ▣ Salam adalah kekata pertama yang Allah SWT firmankan ketika menyambut penghuni syurga.**

**Lawan damai ialah huru-hara atau perang. Di kalangan umat Islam, sering perang diseiraskan dengan jihad. Apakah perjuangan itu mesti membawa pertumpahan darah dan baru dianggap fisabilillah (perjuangan di jalan Allah). Kalangan ulama ada menyatakan bahawa selepas zaman**

**Nabi saw, banyak perang yang ditempuh oleh umat Islam lebih bersifat politik sama ada bersifat kabilah atau aliran faham. Misalnya dalam Perang Jamal, Khalifah Sayidina Ali bin Abu Talib ditentang oleh keluarga atau Bani Ummayah (kabilah) yang membela kematian pendahulunya, Sayidina Othman ibn Affan. Sayidatina Aisyah juga menyebelahi Ummayah. Hal ini memang bersifat polemik dan boleh dibahasakan pada kesempatan lain.**

**Hakikatnya ialah daripada 26 (ada dikatakan 27) peperangan yang dilalui oleh Nabi saw, hanya enam yang membawa pertumpahan darah yang terjadi kerana kepungan kaum Quraisy. Ertinya, jihad Islam ialah untuk membela diri (self defense) dan bukanlah menyerang (ofensif). Malah selepas kembali dari perang, Nabi mengingatkan bahawa ada perang yang jauh lebih besar (jihad-ul -kabir) iaitu melawan hawa nafsu.**

**Yang jelas perang merupakan penonjolan kuasa (display of power). Demi berkuasa, manusia memiliki naluri kebinatangan untuk mempunyai kuasa daerah (animal territorial instinct). Namun dari segi lain, kuasa juga diperlukan untuk membawa kedamaian atau memaksa pihak yang berperang menghentikan tindakan mereka.**

### **PUNCA KEGANASAN**

**erpapar dilema dunia dalam menghadapi terorisme atau keganasan. Ia bukanlah sekadar dilakukan oleh seorang manusia ke atas orang lain, tetapi juga pertubuhan, malah negara.**

**Allah SWT telah memberikan umat Islam sekurang-kurangnya dua gelaran atau anugerah amat penting yang mesti dipelihara dan disuburkan iaitu:**

- ▣ Kuntum khairun ummah (sebaik-baik masyarakat) dan,**
- ▣ Ummatan wassatan (masyarakat sederhana atau pertengahan).**

Jadi tidak berlaku sama sekali kemungkinan Muslim yang mengabdikan jiwa raganya kepada Allah SWT semata itu akan melaksanakan terorisme atau ofensif.

Mengapa dua gelaran tadi diberikan Allah SWT? Memang dapat diujarkan Allah SWT berhak memberikan kurnianya kepada sesiapa jua dan Dialah saja yang memiliki sebab yang tidak dapat dicerna oleh akal manusia yang merupakan hamba-Nya.

Dari segi sejarah agama samawi, hanya ada tiga agama dari Timur Tengah iaitu Yahudi (Musa as), Nasrani atau Kristian (Isa as) dan akhirnya Islam (Muhammad saw). Kesemuanya adalah dari titisan Nabi Ibrahim as. Umat Yahudi menggelarkan diri mereka 'kekasih Allah' tetapi mereka mengingkari segala perintah Allah SWT sehinggakan kitab suci mereka, Taurat sudah diubah begitu rupa daripada yang asal. Manakala umat Nasrani atau Kristian pula menganggap diri mereka 'anak-anak Tuhan' dan telah mengada-adakan faham Trinitas (tiga dalam satu iaitu Tuhan, Roh Kudus dan Isa) yang menetapkan Isa sebagai anak Tuhan di bumi ini.

Keterlanjuran Yahudi dan Nasrani disebut dalam surah al-Fatiha dengan kutukan Allah iaitu golongan sesat (Nasrani) dan menzalimi diri sendiri (Yahudi). Oleh itu, Allah SWT memberikan peluang terakhir kepada umat manusia menerusi pesuruh-Nya yang terakhir dan penutup kenabian iaitu Muhammad saw. Misi Muhammad berjaya sehingga Allah redha dan memberikan gelar kepada umat Islam sebagai umat yang diredhai-Nya kerana memiliki kebaikan yang sempurna dan bersifat sederhana dalam segala tindakan mereka demi kebahagiaan dunia dan kejayaan akhirat.

Dalang utama segala keganasan ialah Iblis yang bersumpah untuk terus menyesat dan membinasakan titisan Adam. Kebencian Iblis kepada Adam ialah kerana Nabi Adam diberikan kedudukan tinggi oleh Allah SWT sehingga dihormati oleh para malaikat. Iblis melambangkan rasa riya' (mengagumi diri sendiri), takabur (suka dipuji), hasad (iri hati atau

menyimpan dendam) khianat (dengki atau sanggup melakukan kerosakan untuk membinasakan orang lain).

Tekad dan strategi Iblis ialah tidak lain menyesat dan membinasakan titisan Adam as. Dari segi saintifik, faktor Iblis memang tidak disebutkan dalam kajian sejarah sosiologi dan strategi peperangan. Hal ini dapat dimaklumi kerana Iblis adalah sebahagian daripada aspek keghaiban yang tidak terjangkau oleh indera manusia. Namun manusia beriman menyedari dan merasakan 'kejahatan' senantiasa menyelinap.

### **MEMELIHARA JATI DIRI**

IFAT khair atau baik merupakan suatu yang amat berharga. Allah SWT menyatakan bahawa bukan saja umat Islam dibentuk menerusi Quran dan ajaran Nabi-Nya (Sunnah) sebagai yang terbaik dan sederhana, tetapi menjadi saksi kepada seluruh umat manusia (supreme example to Mankind).

Khair dari kekata Arab yang dari segi nahu 'isim takdih' (comparative adjective atau kata sifat perbandingan) merujuk kepada usaha ke arah kesempurnaan (good, better, best/excellent). Contohnya, kekata kabir bermaksud besar, tetapi akbar (dari kata dasar atau akar kata kabir) merujuk kepada yang agung atau paling besar. Jadi akbar hanya digandingkan dengan Allah SWT yang Maha Mengetahui asma-ul-husna (gelar yang paling indah dan hebat) untuk-Nya.

Dari segi hirarki atau jenjang kemuliaan, maka kita menemui perihal berikut:

- ▢ Adam as adalah semulia-mulia makhluk Allah SWT. Jadi, semua manusia mulia kerana tititan Adam.
- ▢ Tetapi paling mulia dari semua manusia ialah Muslim.
- ▢ Di kalangan Muslim, terdapat Muslim umum (penganut Islam), Mukmin (manusia Islam yang bertaqwa) dan Muhsin (manusia

Islam, bertakwa dan melakukan keihsanan untuk semua manusia).

Muhsin merupakan citra yang kita inginkan. Ia dikaitkan dengan kekata 'ihsan' iaitu unsur utama dalam ajaran tasauf (ilmu kerohanian). Andai setiap orang Islam mempelajari tasauf dan bertindak sejajar dengan ajaran Islam, maka ia akan menempati kedudukan khair yang dijanjikan oleh Allah yang redha ke atasnya.

Apakah itu kebaikan atau khair? Menurut tasauf, khair diperolehi dengan tiga cara atau syarat:

- ▣ menyuruh yang amalan yang baik atau maaruf ;
- ▣ menegah amalan jahat atau merosak, munkar , dan
- ▣ beriman kepada Allah SWT.

Mengapakah konsep iman diletakkan dalam jenjang terakhir. Ini kerana Allah SWT Maha Mengetahui bahawa syiar Islam tidak tersebar luas walaupun Dia boleh menjadikan semua manusia seagama atau sebangsa (lihat maksud surah al-Hujurat).

Kemanusiaan perlu didirikan untuk kebaikan bersama dan menghalang segala macam kejahatan. Ini bermakna seseorang yang bukan Islam itu adalah baik jika ia dapat melaksanakan dua perkara utama ini. Namun kebaikannya tidak sampai ke peringkat khair yang sebenar kerana ia tidak beriman sebagai orang Islam.

Mengapakah Allah SWT memberikan 'kelonggaran' ini? Sekurang-kurangnya ada dua perkara yang dapat dicerna oleh manusia:

Pertama, tiada paksaan dalam beragama iaitu manusia bebas memilih kepercayaannya.

Kedua, perlu ada sifat hormat-menghormati dari segi kepercayaan demi melahirkan keadaan yang damai. Ini cerminan daripada maksud surah al-

Kafirun dengan pernyataan tegas iaitu “agamamu untukmu, agamaku untukku”.

Dengan sandaran ini, bermakna umat Islam tidak boleh memaksa bukan Islam untuk menerima Islam. Sebaliknya kita menghormati mereka dengan agama mereka. Kita hanya menunjukkan adab yang baik iaitu salah satu ciri khair sehingga menarik mereka untuk mengetahui Islam. Allah SWT sajalah yang akan memberikan petunjuk atau hidayah sehingga orang tadi akhirnya bersaksikan dengan akal dan hatinya untuk menerima Islam.

Dengan teras ini, umat Islam hanya mengajak umat sejagat untuk membina kebaikan dan mengatasi apa jua keburukan. Itulah sebabnya umat Islam perlu menjadi benteng utama ke arah kedamaian dunia dan mencari perpaduan seluruh umat dari titisan Adam. Inilah maksud ‘salam’ dari segi Islam. Malangnya kita selaku umat Islam sering ditempelkan dengan imej buruk sebagai pengganas atau golongan yang sukar diajak membina kebaikan. Akibatnya Islam dianggap sebagai agama tersendiri (exclusive). Pada hal Islam adalah salam penyatuan yang meliputi (to include) seluruh umat manusia atau satu agama inclusive.

#### **MENGANJURKAN KEDAMAIAN**

**ITRAH** Islam ialah ke arah damai sebagaimana maksud firman-Nya  
 “...pergilah kamu kepada kedamaian.”

As-salam (damai) boleh bersifat paling asas iaitu hubungan harisan sehinggalah kepada yang kompleks seperti urusan di Bangsa-Bangsa Bersatu. Sekadar contoh:

- ▣ Dari segi hubungan sesama manusia (habluminanas) : Salah satu hak seorang Islam kepada saudara seagamanya ialah memberikan ‘salam’. Sesungguhnya tiada sapaan sambutan yang paling indah dan lengkap selain assalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh (semoga sejahtera atas kamu

dengan rahmat dan barakah Allah). Ia lebih baik dari ucapan 'selamat pagi' atau 'selamat malam'. Salam Islam adalah suatu doa, suatu pengharapan.

- ▣ Dari segi hubungan dengan Allah (habluminnallah): Orang Islam dirukunkan memberi salam untuk menamatkan solatnya. Adapun rukun (jika tertinggal maka tidak sah solat) ini berasal daripada pertemuan Nabi saw dengan Allah SWT di sidratul muntaha dalam rangka Israk dan Mikraj. Allah SWT menyampaikan salamnya kepada Nabi saw dan kemudian Nabi saw yang amat tawaduk itu menjawabnya sebagai mewakili seluruh kaum solihin (bukan dirinya saja). Maka itu salam dalam tasyahud akhir itu dianggap satu lambang sejarah dan jati diri Muslim. Maka beringatlah, Muslim yang tidak bersolat atau mengabaikannya, maka pudarlah jati dirinya (identity).

Selain solat, salam diberikan ketika peristiwa Lailatul Qadar (lebih baik daripada 1,000 bulan) setiap Ramadan. Salam juga diberikan kepada penghuni syurga yang berjaya dalam hidupnya sehingga sampai ke matlamat akhir – menyaksikan Allah SWT.

Yakinlah bahawa tiada yang lebih bererti dalam hidup selain merasakan 'damai' pada diri, keluarga dan suasana sekitar. Orang yang tidak sihat, tentulah tidak damai dalam dirinya. Orang yang miskin juga biasanya tidak merasakan damai dalam dirinya. Tetapi orang kaya juga tidak merasa damai dalam dirinya apabila menyedari niaganya bakal muflis.

Begitu kemaruh (obsess) manusia mahukan salam atau ketenteraman dalam diri kerana tidak tahan diduga, maka mereka sanggup mengambil pil penenang atau mengikutkan nafsu. Tetapi damai tidak juga diperolehi kerana ini semua merupakan jalan yang salah atau menzalimi diri sendiri. Jalan begini bukan jalan yang membawa salam atau damai.

Tasauf merupakan ilmu yang membawa kepada kedamaian dalam diri. Amalan tasauf menurut cara tertentu dipanggil tarikhah yang semuanya disusur galurkan kepada Sayidina Ali dan akhirnya kepada Nabi Muhammad saw.

#### **DAMAI BENTENG JIWA**

IJRAH merupakan antara peristiwa jagat yang bererti. Terkandung banyak pengajaran yang dapat dimanfaatkan dalam menilai strategi kehidupan sepanjang masa, terutama dalam menilai perjuangan yang tulus dan persahabatan.

Dalam perjalanan meninggalkan kota Makkah kerana diburu oleh kaum Quraisy, Rasulullah dan Abu Bakar berlindung di gua, di Gunung (Jabal) Thur.

Rasulullah keletihan sehingga terlena pada pangkuan sahabatnya. Seekor ular agak berbisa muncul dan mematuk tangan Abu Bakar. Namun beliau menahan sakit yang teramat sangat dan enggan mengejutkan Rasulullah. Terlalu sakit sehingga menitis air mata Abu Bakar. Air matanya terkena wajah Rasulullah sehingga baginda terjaga. Rasulullah bertanya mengapa baginda tidak dikejutkan? Jawab Abu Bakar:

“Ya Rasulullah, jika aku mati, aku hanyalah orang biasa. Tetapi jika tuan mati, hancurlah perjuangan Islam dan dunia.”

Demikianlah luhurnya seorang bernama Abu Bakar as-Shiddiq yang kemuliaannya dirakamkan Allah SWT pada firman-Nya. Kekuatan Abu Bakar kerana beliau merupakan antara sahabat yang telah menerima salam yang membentengi jiwa mereka. Salam itu berkubu kekar sehingga tidak dapat diruntuhkan walaupun dengan bisa patukan ular gurun! Inilah kekuatan dalaman yang ada pada umat Islam ketika itu sehingga Allah SWT redha akan Islam dan memberikan mereka gelar tinggi iaitu khairun ummah dan ummatan wassatan. Soalnya kini, apakah kita berhak mendapat gelar mulia ini?



**Kekuatan dalaman ini telah melahirkan kemenangan atau fatah sehingga ia mengalahkan segala kekuatan fizikal kaum kafir Quraisy. Dalam strategi peperangan, baik yang dinyatakan oleh Sun Tzu, Von Clausewitz atau Leo Tolstoy dalam buku novelnya, War and Peace, nilai dalaman ini juga disebut sebagai faktor X. Bagaimanapun, nilai dalaman mereka itu masih cetek berbanding dengan konsep Islam yang dipaparkan pada peristiwa Hijrah.**

**Ketika Rasulullah menakluki Makkah, tidak setitis darah pun mengalir. Kekuatan jiwa umat Islam dalam menghadapi peperangan dan apa jua strategi pembinasaan telah menyedarkan kaum Quraisy bahawa tiada guna lagi menumpahkan darah. Akhirnya tokoh strategis Quraisy, Abu Sufyan yang juga paman Nabi saw, telah memeluk Islam.**

**Kejayaan umat Islam menyebarkan agama mereka tanpa melibatkan kehancuran nyawa dan harta benda itu diulang dalam surah al-Fath dan juga surah an-Nasr.**

**Ketika Nabi saw memasuki Makkah, tempat pertama yang ditujunya ialah bangunan ibadah yang tertua di dunia iaitu Ka'abah atau Baitullah. Baginda memasuki pintu yang bernama Babus-Salam atau pintu damai. Langkah penuh perlambangan ini jelas mengungkapkan erti damai yang sangat pokok dalam segala usaha umat Islam menghadapi apa jua ancaman dan cabaran.**

**Nabi saw telah mengajarkan kita doa salam ini seusai (selesai) mengerjakan solat atau sebelum lena: "Allahuma antas salam wa minkas salam...."**

**SENTIASA HULURKAN SALAM**

**ELASLAH** daripada seluruh hujah yang diberikan bahawa umat Islam adalah golongan yang sangat mengutamakan jalan damai. Kita hanya menggunakan kekerasan apabila terpaksa seperti menyelamatkan nyawa. Umat Islam adalah masyarakat membela diri (*defensive community*). Terrorisme tidak ada dalam kamus umat Islam yang sebenar.

Dalam menghadapi cabaran, umat Islam disuruh berpada-pada – menghadapi musuh dengan usaha cuba mengasihinya. Ini terasa aneh tetapi ia sudah dibuktikan oleh Nabi Muhammad saw. Kerana sifat-sifat mulia baginda, kaum Arab bersatu walaupun di kalangan kabilah mereka pernah ada permusuhan yang sudah berbuyutan (*zaman berzaman*).

Seruan damai atau salam ini merupakan salah satu nama agung Allah SWT iaitu *As-Salam*. Antara perbuatan Allah SWT ialah memberikan solawat (*salam penghormatan*) kepada baginda. Hal ini dilakukan oleh para malaikat juga. Maka dengan itu, umat Islam perlu senantiasa memberi salam atau menghulurkan kedamaian.

Allah SWT menyambut manusia yang kemudian menjadi penghuni syurga dengan salam. Malaikat juga menyambut mereka dengan salam. Demikianlah salam menjadi puncak nikmat dalam perjuangan manusia di bumi dan merupakan matlamat pada hari Kebangkitan.

Hari ini, kedamaian sukar dicari meskipun kita berhadapan dengan segala macam kecanggihan. Jika umat Islam ingin damai, ia terlebih dulu mesti mempunyai benteng jiwa seperti Abu Bakar.

Abu Bakar menjalani hidup zuhud, gigih mencari ilmu, hati dan lidahnya sering berzikir, sifatnya amat merendah diri dan segala perjuangannya ditujukan untuk Islam. Pada hal Abu Bakar adalah seorang hartawan kaya raya tetapi telah banyak membelanjakan hartanya di jalan Allah, antaranya digunakan wangnya untuk menebus hamba yang diseksa kerana menganut Islam.

Jiwa seperti Abu Bakar sudah dibersihkan menerusi proses pensucian hati. Inilah yang dimaksudkan dengan tasauf. Jadilah kita seperti Abu Bakar, manusia ihsan dengan hatinya yang berasa damai.

Generasi hari ini perlulah mencerminkan kesinambungan (continuity) daripada sahabat contoh seperti Abu Bakar. Merekalah wira dan guru yang perlu dicontohi dalam perjuangan atau jihad kita. Sesungguhnya kita beruntung kerana warisan Islam dalam bentuk ajaran pensucian jiwa atau tasauf masih bertahan. Tokoh tasauf seperti Sheikh Abdul Qadir Jilani telah meninggalkan warisan berharga yang perlu kita manfaatkan.

Dengan bimbingan mursyid/syeikh atau guru tasauf yang benar dan terbukti, maka kita membersihkan jiwa kita daripada sifat-sifat kesyaitanan (Iblis) dan kebinatangan (buas dan mengutamakan daerah kuasa).

Pengamal tasauf tidak membuang dunia, tetapi sebaliknya. Ia memperjuangkan hidup dunia kerana inilah satu-satunya peluang yang ada untuk membuktikan bahawa dirinya mulia di sisi Allah dan makhluk yang lain. Inilah bekalnya untuk dibawanya ke destinasi akhir iaitu Akhirat.

Tasauf bertujuan mengikat hati umat Islam dengan sifat terpuji dan menjauhi sifat cela. Hati inilah menjadi wajah atau cerminan kita ketika bersolat dan menyatakan ikrar bahawa ‘diriku, hidupku dan matiku hanyalah \_\_\_\_\_ untuk \_\_\_\_\_ Mu.’ Apabila hati damai dan damai berkubu di hati, umat Islam tidak akan menunjukkan reaksi marah atau emosional tetapi ketenangan dalam menghadapi setiap cabaran. Semoga Allah SWT terus memperkenankan kita dengan salam-Nya demi dapat mengekalkan gelar khairun ummah dan ummatan wassatan dalam menghadapi gelora dunia.

**TAMAT**